

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN (PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHAN RAYA) (NEGERI-NEGERI TANAH MELAYU) 2018

BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut kehendak Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, mengkaji semula pembahagian Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) kepada bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan pembahagian setiap Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu itu kepada bahagian-bahagian pilihan raya Negeri:

DAN BAHAWASANYA Suruhanjaya Pilihan Raya telah, mengikut seksyen 8 Bahagian II Jadual Ketiga Belas kepada Perlembagaan Persekutuan, mengemukakan kepada Perdana Menteri pada 9 Mac 2018 laporan mereka yang mengandungi syor-syor berkenaan dengan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya) dan bahagian-bahagian pilihan raya Negeri setiap Negeri dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu:

DAN BAHAWASANYA laporan Suruhanjaya Pilihan Raya itu telah dibentangkan di dalam Dewan Rakyat di bawah seksyen 9 Jadual Ketiga Belas itu:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12 Jadual Ketiga Belas itu, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri-Negeri Tanah Melayu) 2018.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada

2018.

Syor-syor hendaklah berkuat kuasa

2. Syor-syor yang terkandung dalam laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 6 Mac 2018 hendaklah berkuat kuasa dari tarikh Perintah ini mula berkuat kuasa.

Dibuat 2018
[PM(R)11880/A088/4 Jld.5; SPR(R)60 Jld.20; PN(PU2)171/C/VI]

Dengan Titah Perintah

TAN SRI DR. ALI HAMSA
Setiausaha Jemaah Menteri